

Pelbagai jurus tapi sama haluan...



MEREKA datang dari pelbagai perguruan dan kumpulan yang terdapat di sini seperti silat, taekwando, judo, kalari payat, karate dan beberapa seni pertahanan diri Cina.

Tetapi kehadiran mereka di Stadium Toa Payoh petang semalam adalah bagi tujuan yang sama iaitu berpadu tenaga untuk membuat persembahan dalam Pertunjukan Perpaduan Seni Pertahanan Diri dan Qigong Nasional yang pertama kali dianjurkan oleh Persatuan Rakyat (PA).

Lebih 5,000 orang peserta da-

ri pelbagai perguruan dan kumpulan telah menunjukkan ketangkasannya dan pergerakan masing-masing dalam pertunjukan yang berlangsung selama dua jam itu.

Dalam pertunjukan itu juga seni pertahanan diri yang beridentiti Singapura atau dikenali sebagai Singaquan (*lihat gambar atas*) telah diperlihatkan kepada orang ramai buat pertama kalinya.

Singaquan adalah gabungan daripada pergerakan lapan buah seni pertahanan diri

yang terdapat di sini seperti silat, taekwando, judo, kalari payat, karate dan beberapa seni pertahanan diri Cina.

Ia adalah hasil kerjasama jurulatih perguruan yang berdaftar dengan Persatuan Jurulatih Seni Pertahanan Diri Singapura (SMAIA).

Turut dipersembahkan pada petang itu ialah silat, tarian singa, tarian naga, taijiquan, zhonghequan Singapura, wadangong, seni batin, taekwondo, karate dan qigong Shi Ba Shi.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) turut mengemukakan seramai 200 pesilatnya.

Menurut Timbalan Presiden Persisi, Haji Rahim Dayan, perguruan silat yang mengambil bahagian ialah Alhak, Seligi Tunggal, Gayong, Sunda dan Esha.

28 MAR 1988
Menteri Perdagangan dan Perusahaan Merangkap Menteri Kedua Pertahanan (Perkhidmatan), Brigadier-Jeneral (Ke-rahan) Lee Hsien Loong, menjadi tetamu terhormat bagi pertunjukan itu.